

**NOTIS MAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM BIDAAN KOMPETITIF BAGI
PEMBANGUNAN LOJI JANAKUASA SOLAR FOTOVOLTAIK (PV) BERSKALA BESAR
(LARGE SCALE SOLAR - LSS) DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI PEMILIHAN PEMAJU BERKELAYAKAN

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) akan menawarkan kuota solar sebanyak 2,000MW_{ac} melalui proses bidaan kompetitif di bawah program *Large Scale Solar* (LSS). Ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam menyokong peralihan tenaga dan pengurangan jejak karbon dengan meningkatkan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) kepada 70% pada 2050.

Proses bidaan LSS pusingan kelima atau LSS-Peralihan Tenaga SuRiA (LSS PETRA) ini menyasarkan kapasiti berjumlah 2,000MW_{ac} dengan pakej yang ditawarkan seperti berikut:

- **Pakej 1** untuk loji janakuasa solar atas bumbung/atas tanah dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 250MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang dibenarkan ialah di antara 1MW_{ac} hingga <10MW_{ac}.
- **Pakej 2** untuk loji janakuasa solar atas bumbung/atas tanah dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 250MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang dibenarkan ialah di antara 10MW_{ac} hingga <30MW_{ac}.
- **Pakej 3** untuk loji janakuasa solar atas bumbung/atas tanah dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 1,000MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang dibenarkan ialah di antara 30MW_{ac} hingga 500MW_{ac}.
- **Pakej 4** untuk loji janakuasa solar terapung dengan jumlah kuota yang dibenarkan sebanyak 500MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang ditawarkan ialah di antara 10MW_{ac} hingga 500MW_{ac}.

Loji-loji janakuasa solar di bawah program LSS PETRA ini dijadualkan mula beroperasi pada tahun 2026.

Sehubungan dengan itu, ST ingin mempelawa syarikat atau konsortium yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan penjanaan tenaga, memiliki keupayaan teknikal dan kewangan untuk membangunkan, membiayai dan mengoperasikan loji janakuasa solar untuk mengambil bahagian dalam proses bidaan kompetitif mengikut kriteria

yang ditetapkan dalam dokumen *Request for Proposal* (RFP).

Dokumen RFP akan mula dijual dari **1 April 2024 jam 9.00 pagi sehingga 16 April 2024 jam 5.00 petang** secara dalam talian melalui laman sesawang ST iaitu www.st.gov.my dengan harga RM3,000.00 bagi setiap dokumen RFP. Penyerahan dokumen RFP secara fizikal yang lengkap hendaklah dihantar dan diterima oleh ST **selewat-lewatnya pada 25 Julai 2024 jam 5.00 petang** dan sebarang perubahan kepada kaedah penyerahan dokumen tersebut akan dimaklumkan melalui laman sesawang ST.

Program bidaan in terbuka kepada pembida daripada syarikat atau konsortium dengan butiran berikut:

- **Pakej 1** – syarikat atau konsortium yang diperbadankan di Malaysia dengan syarat pemilikan 100% pegangan ekuiti Bumiputera, mendapat penarafan syarikat Bumiputera daripada Kementerian Kewangan dan berdaftar sebagai Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) dengan SME Corporation Malaysia.
- **Pakej 2** – syarikat atau konsortium yang diperbadankan di Malaysia dengan syarat pemilikan sekurang-kurangnya 51% pegangan ekuiti Bumiputera, mendapat penarafan syarikat Bumiputera daripada Kementerian Kewangan dan pemilikan 100% pegangan ekuiti tempatan.
- **Pakej 3 dan Pakej 4** – syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan syarat pemilikan sekurang-kurangnya 51% pegangan ekuiti tempatan atau konsortium yang terdiri daripada sekurang-kurangnya satu syarikat tempatan yang diperbadankan di Malaysia dan syarikat asing dengan pegangan ekuiti tempatan dalam konsortium sekurang-kurangnya 51%.

www.st.gov.my
lss5@st.gov.my